

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN CHA KEE CHIN [ RASAH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah peruntukan daripada Sistem Maklumat Rekod Jalaraya Malaysia (Marris) disalurkan kepada Kerajaan negeri dan apakah faktor yang diambil kira dalam menentukan jumlah peruntukan untuk sesebuah negeri. Berapa peruntukan Marris untuk Negeri Sembilan pada tahun 2019, 2020 dan 2021.

**JAWAPAN**

Tan Sri Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri atau lebih dikenali sebagai Pemberian MARRIS, merupakan ketetapan di bawah Peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan yang bertujuan membantu Kerajaan Negeri menyenggara jalan negeri di negeri masing-masing. Pemberian MARRIS ini disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan secara terus kepada Kerajaan Negeri pada setiap bulan. Dalam hal ini, Kerajaan Negeri hendaklah menubuhkan satu Kumpulan Wang bagi memperakaunkan terimaan dari Pemberian Kerajaan Persekutuan bagi tujuan penyenggaraan jalan negeri dan ditubuhkan di bawah Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957 (semakan 1972) (Akta 61) atau mana-mana undang-undang negeri yang berkaitan.
2. Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan di bawah Pemberian Penyenggaraan Jalan Negeri kepada Kerajaan Negeri Sembilan sebanyak 333.3 juta ringgit bagi tahun 2019 dan sebanyak 345.3 juta ringgit bagi tahun 2020 dan 2021. Untuk makluman Yang Berhormat, faktor yang diambil kira dalam menentukan jumlah peruntukan kepada sesebuah negeri adalah berdasarkan kepada perakuan panjang jalan oleh pihak Jabatan Kerja Raya Malaysia dan juga pada masa yang sama tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa Kerajaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [SABAK BERNAM]**

**TARIKH : 16 DISEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MOHD FASIAH BIN HAJI MOHD FAKEH [ SABAK BERNAM ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tafsiran terkini pendapatan B40, M40 dan T20 dan bilangannya serta nyatakan kedudukan jurang pendapatan terkini antara golongan B40, M40 dan T20 serta langkah-langkah Kerajaan bagi merapatkan jurang pendapatan bagi kumpulan B40, M40 dan T20 ini.

**JAWAPAN**

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, untuk tujuan penggubalan dasar, isi rumah dibahagi kepada tiga kategori mengikut pendapatan iaitu B40, M40 dan T20. Kategori pendapatan isi rumah adalah berdasarkan Survei Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIS & BA) yang dilaksanakan dua kali setiap lima tahun. HIS & BA yang terkini adalah pada tahun 2019 dan survei seterusnya akan dilaksanakan pada tahun 2022. Berdasarkan dapatan HIS & BA pada tahun 2019, kategori pendapatan isi rumah adalah seperti berikut:

- Kategori B40 adalah isi rumah yang berpendapatan di bawah RM4,850 sebulan. B40 pada satu-satu masa adalah 40 peratus daripada bilangan isi rumah Malaysia. Pada tahun 2019, bilangan B40 adalah sebanyak 2.91 juta isi rumah;
- Kategori M40 bagi isi rumah berpendapatan di antara RM4,850 dan RM10,959 sebulan. M40 pada satu-satu masa adalah 40 peratus daripada bilangan isi rumah Malaysia. Pada tahun 2019, bilangan M40 adalah sebanyak 2.91 juta isi rumah; dan
- Kategori T20 bagi isi rumah berpendapatan RM10,960 dan ke atas. T20 pada satu-satu masa adalah 20 peratus daripada bilangan isi rumah Malaysia. Pada tahun 2019, bilangan T20 adalah 1.46 juta isi rumah.

2. Jabatan Perangkaan Malaysia telah melaksanakan satu kajian bagi menilai kesan pandemik COVID-19 terhadap pendapatan isi rumah dan insiden kemiskinan bagi tahun 2020. Hasil kajian menunjukkan secara umumnya setiap kategori isi rumah terkesan akibat pandemik COVID-19 tetapi isi rumah B40 dan M40 adalah yang paling terkesan. Antara lain, hasil kajian tersebut termasuklah:

- Agihan pendapatan bagi B40 telah menurun daripada 16 peratus pada tahun 2019 kepada 15.9 peratus pada tahun 2020;
- Agihan pendapatan M40 juga menurun daripada 37.2 peratus pada tahun 2019 kepada 36.9 peratus pada tahun 2020; dan
- Agihan pendapatan T20 pula meningkat daripada 46.8 peratus pada tahun 2019 kepada 47.2 peratus pada tahun 2020.
- Pekali Gini juga dianggarkan meningkat dari 0.407 pada tahun 2019 kepada 0.411 pada tahun 2020. Ini menunjukkan jurang ketidaksamarataan pendapatan isi rumah adalah meningkat.

3. Kerajaan mengambil serius usaha mengurangkan ketidaksamarataan pendapatan antara isi rumah. Ini adalah penting dalam mencapai pengagihan yang saksama. Inisiatif ini termasuk menangani peningkatan kos sara hidup dan meningkatkan kuasa beli serta mengukuhkan perlindungan sosial. Selain itu, Kerajaan juga komited untuk meningkatkan bahagian pampasan pekerja (CE) dalam tempoh RMKe-12. Bahagian CE disasarkan mencapai 40 peratus kepada KDNK pada tahun 2025 berbanding 37.2 peratus pada tahun 2020.

4. Usaha akan dipertingkat untuk menggalakkan aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan menarik lebih banyak pelaburan dalam industri berintensifkan pengetahuan. Ini bertujuan merangsang pewujudan pekerjaan mahir dan berpendapatan tinggi. Inisiatif untuk meningkatkan produktiviti buruh akan terus diberi penekanan melalui penerimanaan teknologi termaju yang lebih menyeluruh serta peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula tenaga kerja. Di samping itu, meningkatkan pendapatan rakyat melalui program-program keusahawanan, peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula serta dasar perlindungan sosial yang komprehensif.

5. Kerajaan percaya pelaksanaan strategi dan initiatif ini akan dapat mengurangkan jurang pendapatan antara isi rumah. Sehubungan itu, Kerajaan menyasarkan pengurangan pekali Gini kepada 0.388 pada tahun 2025. Sekian, terima kasih.